

TARIKH : 21 JANUARI 2023
AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 38

Kadar inflasi turun kepada 3.8% pada Disember 2022

Kadar inflasi turun kepada 3.8% pada Disember 2022

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
shafiqah.shukor@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kadar inflasi di Malaysia turun kepada 3.8 peratus pada Disember 2022, berbanding 4.0 peratus bulan sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan.

Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr. Mohd. Uzir Mahidin berkata, kenaikan perlahan kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol kepada 6.8 peratus berbanding bulan sebelumnya (7.3 peratus) menyumbang kepada inflasi lebih rendah negara.

"Itu diikuti oleh kumpulan pengangkutan (4.9 peratus) serta hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (3.7 peratus) yang turut merekodkan peningkatan yang lebih perlahan berbanding November 2022.

"Namun, restoran dan hotel terus menunjukkan peningkatan kepada 7.4 peratus berbanding 7.0 peratus pada November 2022," katanya dalam satu kenyataan.

Mohd. Uzir berkata, inflasi bagi keseluruhan 2022 meningkat 3.3 peratus berbanding 2.5 peratus yang dicatatkan pada 2021.

Jelasnya, peningkatan tersebut didorong terutamanya oleh kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol (5.8 peratus), restoran dan hotel (5.0 peratus) serta pengangkutan (4.7 peratus).

"Konflik antara Russia dan Ukraine serta kenaikan harga komoditi global pada tahun lalu menyumbang kepada kenaikan inflasi," katanya.

Sementara itu, inflasi bagi suku keempat 2022 meningkat 3.9 peratus kepada 128.9 berbanding 124.1 pada suku tahun yang sama

tahun sebelumnya.

Mengulas inflasi di peringkat negeri pula, Mohd. Uzir menjelaskan, empat negeri merekodkan inflasi melebihi paras nasional 3.8 peratus iaitu Putrajaya (7.9 peratus), Selangor (4.5 peratus), Sarawak (4.1 peratus) dan Johor (3.9 peratus).

Namun katanya, Kedah merekodkan peningkatan paling rendah sebanyak 2.2 peratus.

"Kesemua negeri mencatatkan peningkatan inflasi makanan dan minuman bukan alkohol. Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh Selangor dan Sarawak masing-masing 8.4 peratus diikuti oleh Putrajaya (7.5 peratus), Sabah (7.4 peratus) dan Johor (6.9 peratus).

"Sementara itu, negeri-negeri lain menunjukkan peningkatan di bawah paras inflasi makanan dan minuman bukan alkohol nasional

iaitu 6.8 peratus pada Disember 2022," katanya.

Dalam pada itu, inflasi teras yang mengukur perubahan dalam harga barang dan perkhidmatan, tanpa mengambil kira harga makanan segar yang tidak menentu serta harga barangan kawalan oleh kerajaan mencatatkan peningkatan 4.1 peratus pada Disember 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

Peningkatan tertinggi dicatatkan oleh kumpulan makanan dan minuman bukan alkohol iaitu 8.1 peratus.

Selain itu, kumpulan restoran dan hotel turut mencatatkan kenaikan 7.4 peratus, diikuti pengangkutan (7.3 peratus), hiasan, perkakasan dan penyelenggaraan isi rumah (3.7 peratus) dan perkhidmatan rekreasi dan kebudayaan (2.4 peratus).